

**KURSUS PENINGKATAN ETIKA  
KEBERKESANAN DAN KEUPAYAANNYA DALAM  
MEMARTABATKAN KEMBALI IMEJ PASUKAN  
POLIS DIRAJA MALAYSIA**

**OLEH**

**SYED ITAM BIN SYED NAN  
NO. PELAJAR : 95872704**

**NOR AZMAN BIN PAIMIN  
NO. PELAJAR : 95872809**

**MOHAMAD KHALID BIN HJ. WAHAB  
NO. PELAJAR : 89407080**

**ROSSILAWATI BTE NAWI  
NO. PELAJAR : 95874410**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN KEPADA  
KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN PERAK,  
SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
SYARAT DALAM MEMPEROLEHI  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**KAJIAN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
SERI MANJUNG  
2000**

## **PENGHARGAAN**

**Alhamdulillah, kami bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinNya membolehkan kami menyelesaikan Kertas Projek ini yang merupakan syarat penting bagi menamatkan Kursus Diploma Pentadbiran Awam (PAD). Walaupun pada dasarnya kami banyak menghadapi pelbagai masalah serta rintangan, namun dengan adanya kesabaran dan kecekalan kami, telah berjaya mengharunginya dengan izin Allah S.W.T yang Maha Berkuasa dan Maha Mengasihani.**

**Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan juga untuk Pensyarah mata pelajaran PAD 340 ia itu Prof Madya. En. Mohd Fauzi Bin Mohd Harun yang telah membimbing, menasihati dan membuat kegunaan kepada kami dalam menyediakan dan melaksanakan kertas projek ini. Dengan tunjuk ajar serta galakan dan diikuti dengan komen-komen yang membina telah mendorong kami untuk melakukan kajian yang lebih terperinci dan terbaik mungkin sebagai kaedah untuk melahirkan sebuah kertas projek yang bermutu dan bernilai.**

**Kami juga mengambil kesempatan disini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan kerjasama dan bantuan, terutamanya dari Komandan Sekolah Latihan PGA, Ulu Kinta dan Cawangan Kursus Peningkatan Etika PDRM Zon Utara, Sekolah Latihan**

## **SINOPSIS**

**Kursus Peningkatan Etika diwajibkan untuk oleh semua anggota polis yang berpangkat Konstabel hingga Sub Inspektor. Kursus ini akan menekankan kepada aspek penghayatan nilai-nilai serta etika yang perlu ada pada setiap anggota dalam perkhidmatan polis, ia bukannya memberi tumpuan kepada cara melaksanakan tugas harian kerana mereka mempunyai kemahiran tersendiri di dalam memahami tugas mereka. Yang perlu ditekankan ialah masalah sikap dan komitmen mereka dalam menjalankan tugas mengikut arahan atau etika kerja serta memenuhi kehendak pelanggan iaitu orang ramai. Dengan kapasiti hampir 92% dari keseluruhan anggota pasukan kursus etika ini akan memberi peluang untuk pasukan polis meningkatkan mutu perkhidmatan agar menjadi lebih baik dan bermakna sesuai dengan cogan kata PDRM ‘Mesra, Cepat dan Betul’. Kursus ini diadakan di pusat-pusat tertentu seluruh negara dan dikendalikan oleh para penceramah yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kanan Polis serta Pensyarah Jemputan dari institusi pengajian tinggi, agensi-agensi awam dan swasta.**

**KANDUNGAN**

<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>ii</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>SINOPSIS (BAHASA MALAYSIA)</b>	<b>v</b>
<b>SINOPSIS (BAHASA INGGERIS)</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>x</b>
<b>BAB I:</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
<b>1.1. Pengenalan Dan Pernyataan Masalah</b>	<b>1</b>
<b>1.2. Objektif Kajian</b>	<b>2</b>
<b>1.3. Metodologi Kajian</b>	<b>3</b>
<b>1.4. Hipotesis Kajian</b>	<b>3</b>
<b>1.5. Skop Kajian</b>	<b>4</b>
<b>1.6. Kepentingan Kajian</b>	<b>5</b>
<b>1.7. Sekatan Dan Masalah</b>	<b>7</b>
<b>1.8. Organisasi Kajian.</b>	<b>8</b>

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan dan Pernyataan Masalah**

**Semenjak Polis Diraja Malaysia (PDRM) ditubuhkan pada tahun 1807 sehingga sekarang, kita dapat melihat corak penghidupan dan prestasi tugas yang berlainan diperlukan daripada warga Polis di zaman penjajah. PDRM hanya menjalankan tugas-tugas mengawal keselamatan dan keamanan negara, keselamatan nyawa dan harta benda serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan.**

**Setelah negara mencapai kemerdekaan, PDRM bukan sahaja dibebankan dengan tugas-tugas keselamatan dan keamanan tetapi turut dikehendaki memberi sumbangan positif terhadap pembangunan negara dan ancaman yang dihadapi semakin hari semakin sulit seiring dengan perkembangan masalah ekonomi dan masalah sosial yang semakin kompleks.**

**Justeru itu, setiap lapisan masyarakat di negara ini mengharapkan agar wujud satu pasukan Polis yang berdisiplin, terlatih dan mempunyai profesionalisme yang tinggi serta berkualiti bagi menghadapi masyarakat yang semakin rumit, canggih, maju dan sofistikated. Untuk tujuan itu, dasar**